


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-24	An-Nuur	64	9	Madaniyyah	Ke-102	5





### Zaman Diturunkan

Surah al-Ahzaab diturunkan sekitar tahun 4, 5 dan 6. Ghazwah Bani al-Mushthaliq pula berlaku pada bulan Sya'baan 6 Hijrah. Surah an-Nuur besar sekali kemungkinan diturunkan sekitar bulan Sya'baan atau Ramadhan pada tahun ke-6 Hijrah setelah kepulangan Baginda s.a.w. daripada Ghazwah Bani al-Mushthaliq, kira-kira setahun setelah diturunkan Surah al-Ahzaab, di peringkat itu orang-orang munafiq begitu aktif mencetuskan pelbagai fitnah dan tuduhan terhadap kehidupan kekeluargaan Rasulullah s.a.w. Mula-mula sekali mereka menghebohkan soal perkahwinan Rasulullah dengan Zainab yang sebelum itu telah menjadi isteri kepada anak angkat Baginda, Zaid bin Haritsah. Tuduhan perzinaan juga telah dilemparkan kepada beberapa orang isteri Rasulullah s.a.w. Di dalam Surah ini juga terdapat berita gembira bahawa dalam masa 2 tahun sahaja lagi, Mekah akan dikuasai orang-orang Islam. Sunnatullah dalam menggantikan satu umat dengan umat yang lain akan menjadi kenyataan (Ayat: 55). Ramalan yang diberikan itu betul-betul telah menjadi kenyataan pada bulan Ramadhan tahun ke-8 Hijrah.

### Perkaitan Surah An-Nuur Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

Di dalam Surah al-Mu'minin, orang-orang mu'min selain dituntut supaya menguatkan iman mereka, dituntut juga supaya berakhlak mulia dan beribadat dalam segala bentuknya, termasuk ibadat-ibadat بَدَنِيَّة (yang berkait dengan tubuh badan) dan ibadat-ibadat مَالِيَّة (yang berkait dengan harta benda). Di dalam Surah an-Nuur ini pula semua institusi-institusi kerajaan diminta supaya menjayakan apa yang dituntut daripada orang-orang mu'min di dalam Surah al-Mu'minin, di samping melaksanakan segala hukum Allah sama ada yang berkaitan dengan kekeluargaan, kemasyarakatan atau yang berkaitan dengan undang-undang jenayah.

### Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam Surah an-Nuur dinyatakan kewajipan melaksanakan hukum-hakam Allah.

Di dalam ayat pertama Surah an-Nuur lagi diperjelaskan bahawa segala hukum-hakam yang terdapat di dalamnya adalah perkara fardhu yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam (Ayat: 1)

سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا

2. Di dalam Surah an-Nuur diberikan hukum-hukum yang terang.

(a) Di dalam Surah an-Nuur beberapa kali perkataan آيَات digunakan dengan erti hukum-hukum yang terang dan tidak samar آيَاتٍ مُّبَيَّنَاتٍ (Ayat: 1), يُبَيِّنُ (Ayat: 18, 58, 59 dan 61) مُبِين (Ayat: 54) آيَاتٍ مُّبَيَّنَاتٍ (Ayat: 34, 46).

(b) Hanya di dalam ayat ke-46, آيَاتٍ مُّبَيَّنَاتٍ sahaja lafaz آيَات boleh dipakai juga dengan erti bukti-bukti.

3. Hukuman dan balasan di dunia dan di akhirat untuk orang-orang yang menuduh orang-orang



perempuan muslim dengan tuduhan-tuduhan yang jahat.

Perkataan **يَرْمُونَ** tiga kali digunakan (Ayat: 4, 6 dan 23). Hukuman 80 sebatan dikenakan kerana menuduh orang-orang perempuan yang baik-baik melakukan zina (Ayat: 4), orang-orang yang menuduh orang-orang perempuan yang baik-baik melakukan perbuatan keji itu dila'nat di dunia dan di akhirat (Ayat: 23).

4. Erti perkaatan **زِينَةَ** di dalam Surah an-Nuur

Perkataan **زِينَةَ** digunakan dua kali di dalam surah ini (Ayat: 31 dan 60). Di dalam surah ini dinyatakan lelaki-lelaki yang boleh perempuan mendedahkan **زِينَةَ** dan tempat-tempat **زِينَةَ** di tubuh mereka secara terperinci. Perempuan-perempuan tua dikecualikan daripada memakai hijab yang lengkap, mereka bagaimanapun tetap dilarang daripada **تَبَرَّجَ** (berjangok dan bersolek secara berlebihan) dengan mendedahkan aurat dan juga mendedahkan **زِينَةَ**.

5. Hanya orang-orang beriman dapat melaksanakan undang-undang Islam dengan lengkap dan sempurna.

Melalui ayat-ayat 17, 47 dan 51 digunakan perkataan **مُؤْمِنِينَ**, perkataan **الْمُؤْمِنُونَ** pula digunakan dalam ayat ke-31. Hanya merekalah dikatakan orang-orang yang dapat melaksanakan hukum Allah dengan sempurna.

6. Tazkiah dikatakan sebagai perkara yang boleh menghindarkan manusia daripada kemungkarannya, perbuatan-perbuatan keji dan juga tidak bermoral.

Berhubung dengannya terdapat 2 ayat di dalam surah ini. **زَكَاةً** (Ayat: 21) **أَزْكَى** (Ayat: 29).

Masuk ke dalam rumah orang lain tanpa kebenaran dilarang, arahan itu perlu untuk tazkiah atau penyucian jiwa (Ayat: 29).

7. Di dalam Surah an-Nuur terdapat perintah supaya memberi salam sebelum masuk ke dalam rumah orang-orang lain.

Perkataan **سَلَامًا** digunakan dalam ayat ke-61, **تَسَلَّمُوا** digunakan dalam ayat ke-27. Kedua-duanya adalah perintah supaya memberi salam sebelum memasuki rumah orang lain (Ayat: 27). Perintah supaya memberi salam juga diberikan ketika hendak masuk ke rumah sendiri atau ke dalam rumah keluarga dan sanak saudara (Ayat: 61).

8. Taat kepada pemimpin adalah suatu yang perlu untuk keutuhan kehidupan bermasyarakat.

Surah an-Nuur mengajarkan beberapa adab dan disiplin kepada orang-orang Islam dalam kehidupan bermasyarakat. Ketika berada dalam majlis yang penting, mereka diperintahkan supaya meminta izin apabila hendak keluar **يَسْتَأْذِنُوكَ** (Ayat: 62).



### Perbandingan Di Antara Surah Al-Ahzab Dan Surah An-Nuur

Kedua-dua surah ini banyak berbicara tentang hukum-hukum berkaitan wanita, kerana itu kedua-duanya elok sekali dibaca bersama.

Perkara	Surah al-Ahzaab (33)	Surah an-Nuur (24)
1. Zaman Diturunkan	Diturunkan selepas perang Ahzaab pada tahun ke-4 dan ke-5 Hijrah, sedangkan mengikut tertib kitabi, ia merupakan surah ke-33	Diturunkan selepas Ghazwah Bani al-Mushthaliq pada bulan Sya'baan 6 Hijrah, setahun selepas diturunkan Surah al-Ahzaab, sedangkan dalam tertib kitabi, kedudukannya terletak lebih dahulu daripada Surah al-Ahzaab
2. Mesej Utama	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tinggalkan kekufuran dan kemunafiqan dalam keadaan menyedari tanggungjawab dan amanah.</li> <li>2. Laksanakanlah hukum-hakam Islam dengan ikhlas, baik yang berkaitan dengan kekeluargaan, kemasyarakatan, ketenteraan, pemerintahan dan lain-lain.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tinggalkanlah kekufuran dan nifaaq.</li> <li>2. Ikutlah undang-undang kekeluargaan, kemasyarakatan dan jenayah Islam.</li> <li>3. Janji memberi kuasa dan pemerintahan</li> </ol>
3. Aktiviti Orang Munafiq	Mereka menyerang peribadi Rasulullah s.a.w., kata mereka: "Rasulullah s.a.w. telah berkahwin dengan bekas isteri anak angkatnya", itu bererti Baginda berkahwin dengan menantu sendiri. Selain itu macam-macam lagi gangguan dan fitnah yang mereka adakan untuk memburuk-burukkan Nabi (Ayat: 48, 53, 57, 59 dan 69)	Orang-orang munafiqin menuduh isteri Rasulullah s.a.w. atau sahabiah yang lain telah berzina. Ia merupakan salah satu peristiwa Ifk (Ayat: 11-26).



<p>4. Aktiviti-aktiviti orang-orang kafir</p>	<p>Perintah supaya tidak terkesan dan tertekan dengan perancangan dan tindakan jahat oleh orang-orang munafiq dan kafir terdapat di dalam ayat pertama dan terakhir surah, itu adalah zaman di mana kerajaan Islam yang baru ditegakkan terpaksa menghadapi gangguan musuh dari dalam dan juga dari luar</p>	<p>-</p>
<p>5. Hukum-hukum kekeluargaan</p>	<p>1. Arahan meminta izin sebelum masuk ke dalam rumah Nabi s.a.w. (Ayat: 53). 2. Kehidupan kekeluargaan seeloknya sederhana, apa yang penting kepada setiap ahli keluarga ialah kehidupan di hari akhirat (Ayat: 28)</p>	<p>1. Perintah meminta izin dan memberi salam sebelum masuk ke dalam rumah orang-orang lain (Ayat: 27-29 dan 61). 2. Hukum-hukum di bilik tidur (Ayat: 58 dan 59). 3. Hukum-hukum untuk perempuan tua (Ayat: 60).</p>
<p>6. Hukum-hukum pergaulan dalam rumah tangga</p>	<p>1. Perintah supaya menggunakan jilbab iaitu kain tudung yang besar (berupa selimut dan sebagainya) (Ayat: 59). 2. Perintah menggantung atau memasang langsir dan tabir di dalam rumah dan meminta sesuatu dari belakang tabir (Ayat: 53). 3. Perempuan yang belum bersetubuh dengan suaminya</p>	<p>1. Hukum-hukum li' an (Ayat: 10). 2. Perintah menjaga penglihatan kepada lelaki dan perempuan (Ayat: 30-31). 3. Perintah menyembunyikan tempat perhiasan di tubuh wanita dan perintah menutup bahagian tengkuk dan lehernya (Ayat: 31). 4. Kepada 12 macam orang-orang lelaki, wanita dibenarkan mendedahkan bahagian perhiasan di tubuh wanita, mereka juga dibenar dalam keadaan itu memakai perhiasan yang mengeluarkan bunyi (Ayat:</p>



	<p>sebelum kahwin, jika bercerai tidak perlu ber`iddah (Ayat: 49).</p> <p>4. Perempuan-perempuan hendaklah bercakap dengan penuh sopan (Ayat: 32).</p> <p>5. Perempuan-perempuan diarah supaya tidak mendedahkan aurat seperti perempuan-perempuan di zaman Jahiliyah (Ayat: 33).</p> <p>6. Larangan daripada ikut serta dalam sesuatu majlis makan tanpa dijemput dan juga larangan berbual-bual selepas makan malam (Ayat: 53)</p>	<p>31).</p> <p>5. Perintah mengahwinkan lelaki dan wanita yang belum berkahwin (Ayat: 32)</p>
7. Hukum-hukum kemasyarakatan	-	Perintah supaya menjaga majlis dengan sebaik-baiknya, ketika mahu keluar daripada majlis pula perlulah mendapat kebenaran. Orang-orang munafiq keluar daripada majlis Rasulullah secara senyap-senyap tanpa kebenaran Baginda (Ayat: 62-64).
8. Hukum-hukum siasah dan ketenteraan	Perintah supaya tidak terpengaruh dan tertekan dengan usaha-usaha jahat dari dalam dan luar oleh pihak-pihak musuh yang terdiri daripada golongan منافقين dan كافرين	-
9. Hukum-hukum khusus berkait dengan isteri dan anak angkat	1. Seseorang isteri, dengan sebab dizihar sama sekali tidak menjadi seperti ibu seseorang (Ayat: 4).	-



	<p>2. Anak angkat sama sekali tidak akan menjadi seperti anak sebenar (Ayat: 4).</p> <p>3. Anak angkat hendaklah dipanggil dengan mengaitkan namanya dengan bapa sebenarnya (Ayat: 5).</p>			
--	--	--	--	--